

Harga tol kekal

SINAR HARIAN 28/12/2018 M/S 06

Pembekuan kenaikan tol tahun depan melibatkan implikasi kos RM994.43 juta

MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Kerajaan memutuskan tiada kenaikan kadar tol bagi semua kelas kenderaan bagi 21 lebuh raya pada tahun depan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata, pembekuan kenaikan kadar tol melibatkan implikasi kewangan kerajaan berjumlah RM994.43 juta.

Menurutnya, pada 12 Disember lalu, Kabinet telah bersetuju membekukan kenaikan kadar tol bagi semua kelas kenderaan di 21 lebuh raya seluruh negara yang tol-

nya layak dinaikkan pada 2019.

"Ia adalah satu penambahan ketara kepada pengumuman Belanjawan 2019 yang hanya membekukan semua kenaikan kadar tol di lebuh raya dalam bandar saja untuk tahun depan.

"Implikasi kewangan itu membabitkan pembekuan kenaikan kadar tol merangkumi 21 lebuh raya; kadar tol bagi bas di lapan lebuh raya berasingan dan pemansuhan tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang (Jambatan Pertama Pulau Pinang), Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang) serta di Lebuhraya Laluan Kedua di Johor," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan mengang-garkan pembekuan kadar tol bagi semua kelas kenderaan di 21 lebuh raya membabitkan kos bayaran pampasan sekitar RM972.75 juta kepada syarikat konsesi lebuh raya.



GUAN ENG

"Manakala, pemansuhan tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Lebuhraya Laluan Kedua di Johor pula membabitkan bayaran pampasan sebanyak RM20 juta setahun," katanya.

Kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik untuk memenuhi janji manifesto yang terkandung dalam Buku Harapan dan pembekuan kadar tol ini adalah sebahagian daripada usaha itu, katanya.

Lebuhraya terlibat adalah:

- Utara-Selatan (PLUS)
- Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)
- Shah Alam (KESAS)
- Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)
- Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1)
- Sungai Besi (BESRAYA)
- Baru Pantai (NPE)
- Damansara-Puchong (LDP)
- Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH)
- Butterworth-Kulim (BKE)
- Duta-Ulu Klang (DUKE)
- Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)
- Kajang-Seremban (LEKAS).
- Senai-Desaru (SDE)
- Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)
- Lembah Kelang Selatan (SKVE)
- Seremban-Port Dickson (SPDH)
- Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)
- Koridor Guthrie (GCE)
- Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JPP2)
- Sistem Pengurusan Air Banjar dan Terowong (SMART).